



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	31/1/2012

## Dr M tidak hairan kenyataan ketua pembangkang

**P**UTRAJAYA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamed tidak terperanjat dengan kenyataan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang merakamkan sepenuh sokongan kepada semua tindakan bagi menjaga keselamatan Israel berikutan hubungan baik Ketua Pembangkang itu dengan rejim berkenaan.

Beliau yang turut kecewa dengan kenyataan itu berkata, ia jelas membuktikan bahawa Anwar sememangnya menyokong Israel untuk mendapatkan pujian daripada dunia Barat.

"Dia memang pun mirip Israel. Kawan-kawan dia semua Yahudi, bila, dia keluar penjara, dia pergi Munich, Jerman dan ada perbincangan dengan Wolfowitz (bekas Presiden Bank Dunia, Paul Wolfowitz) selama tiga jam. Dia dekat dengan Israel, suka orang Barat puji dia supaya dia nampak seorang yang moden dan ikut trend sebaliknya kita ini dia anggap lapuk.

"Jadi, memang dia tidak setuju dengan cara kita, tetapi dia pandai, dia nampak warak sehingga saya juga terperangkap, saya ingat dia betul-betul warak, sebab itu saya mengalu-alukan kemasukan dia dalam UMNO supaya ingatkan dia boleh bawa nilai Islam dan sebagainya," katanya selepas memberikan syarahan anjuran Razak School of Government di sini, semalam.

Sabtu lalu, *Berita Harian* melaporkan pendirian Anwar itu seperti

yang dinyatakan dalam temu bual beliau bersama akhbar *The Wall Street Journal* di Ibu Pejabat Parti Keadilan Rakyat (PKR) di Petaling Jaya, Khamis lalu dan disiarkan dalam edisi 27-29 Januari.


Kenyataan Anwar itu mendapat kecaman pelbagai pihak termasuk tokoh agama yang sepakat menyatakan bahawa adalah haram dan dilarang dalam Islam untuk menyokong Israel.

Ditanya mengenai penjelasan Anwar kononnya kenyataan itu adalah tafsir dan sebenarnya beliau menyokong formula *two state solution* (formula dua negara), Dr Mahathir menegaskan bahawa Anwar tidak menyebut mengenai keselamatan orang Palestin yang sering menjadi mangsa kekejaman Israel.

"Kenyataan asalnya ialah mahu menjaga keselamatan Israel, dia tidak sebut pula keselamatan orang Palestin yang memang tidak selamat," katanya.

**"Kenyataan asalnya ialah mahu menjaga keselamatan Israel, dia tidak sebut pula keselamatan orang Palestin yang memang tidak selamat"**

Dr Mahathir Mohamad  
Bekas Perdana Menteri



DR MAHATHIR memberi syarahan Razak Lecture Series di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam.